

Program Pembasmian Kemiskinan Dalam Kalangan Ibu Tunggal: Analisis Penyertaan Dan Keberkesanan

*Poverty Alleviation Programme Among Single Mothers: An Analysis of Participation
and Effectiveness*

Nor Aini Haji Idris noraini@ukm.my
Doris Padmini Selvaratnam
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Penurunan kadar kemiskinan secara keseluruhan sebenarnya tidak menggambarkan keadaan taraf sosioekonomi keseluruhan penduduk. Program kemiskinan yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak memberi implikasi yang sama kepada semua golongan masyarakat. Mengikut dimensi kemiskinan, wanita yang menjadi ibu tunggal adalah antara kumpulan yang termasuk dalam kategori miskin yang harus diberi perhatian selain Orang Asli, kaum minoriti Sabah dan Sarawak, pekerja pertanian, OKU dan dan warga emas. Kemiskinan di kalangan ibu tunggal berlaku disebabkan faktor-faktor bilangan tanggungan yang ramai, melakukan pekerjaan yang tidak menjana pendapatan yang tinggi di sektor tidak formal, tidak bekerja, tidak melakukan kerja sampingan, umur yang tua dan tidak sihat serta pendidikan yang rendah. Ini bermakna masalah kemiskinan berkait rapat dengan faktor kemanusiaan. Kajian ini melibatkan 500 ibu tunggal di mana 60.2% dari bandar dan 39.8% dari luar bandar. Daripada jumlah responden yang ditemubual, sebanyak 63.6% menyertai program dan 36.4% tidak menyertai program. Dari segi tahap pendidikan sebanyak 76.4% berada dalam kategori pendidikan sekolah rendah, PMR dan SPM. Sebanyak 59.0% responden terpaksa menanggung anak yang masih bersekolah dan 43.6% tidak mempunyai sebarang kemahiran. Faktor utama yang menyebabkan responden menjadi ibu tunggal adalah kematian suami (66.6%), diikuti dengan bercerai (25.0%), ditinggal suami (8.0%) dan suami uzur atau kurang upaya (0.4%). Kertas kerja ini akan membincangkan penyertaan dan keberkesanan program pembasmian yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan khusus untuk ibu tunggal. Data dianalisis menggunakan SPSS, jadual langsung dan analisis jurang (gap analysis). Analisis jurang digunakan untuk melihat keberkesanan program dari sudut sosial dan ekonomi. Manakala analisis jadual silang bertujuan melihat faktor penyertaan program.

Kata kunci: Ibu Tunggal, Kemiskinan, Analisis Jurang, Program Pembasmian Kemiskinan

ABSTRACT

Decrease in overall poverty rate does not fully reflect the level of socioeconomic level of the society. Poverty alleviation programmes implemented by the government does not have same results on all the target groups. According to the dimension of poverty, single mothers are categorised as poor, together with the Orang Asli, minority groups of Sabah and Sarawak, agricultural workers, specially challenged people and the elderly. Poverty among the single mothers is due to high dependency rate, working in informal jobs that do not generate high income, not working, having no part time job, elderly and unhealthy, and having low education achievement. All these factors relate to human being. This research is based on 500 single mothers, whereby 60.2% are from urban area and 39.8% are from rural area. A total of 63.6% of the respondents had participated in poverty alleviation programmes and 36.4% did not participate in any programmes. A majority of 76.4% respondents have low level of education of primary schooling, PMR and SPM. A total of 59.0% respondents support school going dependents and 43.6% do not have any skills. The main factors contributing to these women becoming single parents are death of husband (66.6%), followed by divorce (25.0%), abandoned by husband (8.0%) and sickly or specially challenged spouse (0.4%). This paper will discuss the participation and effectiveness of the poverty eradication programmes implemented by the government for single mothers. Data is analysed using SPSS programme, generating tables and gap analysis. Gap analysis is used to investigate the effectiveness of the programmes, from the social and

economic perspective. Meanwhile the cross tabulation results are used to analyse the level of participation in the various programmes.

Keywords: Single mother, Poverty, Gap Analysis, Poverty alleviation programme

PENGENALAN

Insiden kemiskinan sama ada secara relatif atau mutlak adalah tinggi di kalangan wanita terutama bagi wanita yang menjadi ketua isi rumah. Bagi wanita yang bercerai hidup atau mati, mereka boleh menjadi miskin serta merta sekiranya terpaksa menanggung anak tanpa sebarang nafkah atau harta yang ditinggalkan. Justeru, kemiskinan di kalangan ibu tunggal antara aspek yang menjadi perhatian pihak kerajaan dalam penggubalan strategi pembasmian kemiskinan. Kemiskinan di kalangan ibu tunggal perlu diberi perhatian memandangkan ianya boleh memberi implikasi sosial jika tidak ditangani secara berkesan. Kajian mengenai kemiskinan bandar menunjukkan Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Alor Star merupakan bandar yang mempunyai jumlah ibu tunggal miskin yang ramai. Ianya berlaku disebabkan ibutunggal yang dikaji mempunyai bilangan tanggungan yang ramai, terlibat dalam sektor tidak formal yang menjana pendapatan yang kecil, tidak bekerja, tidak melakukan kerja-kerja sampingan, tingkat pendidikan dan kemahiran yang rendah dan faktor umur yang tua (Nor Aini 2003).

Siapa ibu tunggal?

Seseorang wanita dianggap ibu tunggal apabila kematian suami dan terpaksa meneruskan tugas membesarkan anak-anak atau seorang wanita yang telah bercerai dan diberi hak penjagaan ke atas anak-anaknya, atau seorang wanita yang digantung tidak bertali tanpa diberi nafkah, atau wanita dalam proses perceraian (Rohaty & Muhamad Rais 1999). Namun secara lebih terperinci, ibu tunggal mempunyai salah satu ciri-ciri berikut: 1) Wanita yang kematian suami dan sedia meneruskan tugas membesarkan anak-anak, 2) Wanita yang telah bercerai dan diberi hak penjagaan ke atas anak-anaknya, 3) Wanita yang tidak diberi nafkah oleh suami untuk menyara hidupnya dan juga anak-anak, 4) Wanita yang sedang dalam proses perceraian, 5) Wanita yang mempunyai suami uzur dan tidak mampu memberi nafkah dan memerlukan penjagaan rapi, dan 6) Wanita yang membesarkan anak orang lain tanpa pertolongan suami (Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu 2009). Walaupun tidak terdapat statistik yang tepat mengenai jumlah ibu tunggal di negara ini, namun peningkatan jumlah perceraian terutama di kalangan pasangan muda menggambarkan telah berlaku peningkatan dalam jumlah ibu tunggal. Pada tahun 2000 didapati jumlah ibu tunggal adalah seramai 620,389 dan daripada jumlah ini 529,701 adalah balu dan 90,688 janda (Thuaiyah @ Suaibah *et al.* 2004).

Program Pembasmian Kemiskinan

Usaha pembasmian kemiskinan di negara ini telah bermula semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Ianya terangkum dalam Rancangan Malaysia Pertama (1970-1975) dan usaha tersebut berterusan hinggalah ke hari ini. Dalam tempoh 30 tahun, kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan daripada 49.3% pada tahun 1970 dianggarkan dapat dikurangkan kepada 2.8% menjelang 2010. Pada tahun 2010 fokus kerajaan adalah kepada isu kemiskinan tegar iaitu mereka yang menerima pendapatan kurang atau bersamaan RM440 sebulan. Selari dengan matlamat tersebut, Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah digubal bersama-sama dengan Pelan Hala Tuju yang bertujuan untuk mempertingkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah (LIH). Mereka adalah termasuk isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang atau bersamaan dengan RM2000 sebulan yang merangkumi golongan miskin (pendapatan kurang atau bersamaan RM750 sebulan). Kini masih terdapat sebanyak 200,000 isi rumah yang hidup dengan pendapatan kurang daripada RM750 sebulan dan banyak isi rumah di bandar yang hidup dengan pendapatan antara RM2000 hingga RM3000 sebulan mendapati sukar untuk menyara hidup kos hidup yang semakin meningkat (Berita Harian 2010). Justeru, GTP telah mengenal pasti dua pendekatan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan kemiskina tegar iaitu program bantuan kebajikan dan peningkatan produktiviti. Pembayaran kebajikan bulanan dipercepatkan dan memberi bantuan untuk meningkatkan pemilikan rumah. Dari segi produktiviti, Program Azam 1 akan mewujudkan peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan. Program-program yang dijangka akan dilaksanakan dipaparkan melalui Jadual 1.

JADUAL 1: Program Transformasi Kerajaan

INISIATIF 2010	INISIATIF 2011	INISIATIF 2012
<p>1. Azam Kerja -Menggalakkan golongan miskin dan miskin tegar bekerja dalam sektor yang kekurangan pekerja (pembantu rumah, pekerja stesen minyak, pengawal keselamatan, pelayan restoren dan buruh binaan).</p> <p>2. Azam Niaga – Menggalakkan terlibat dengan peniagaan kecil makanan dll.</p> <p>3. Azam Khidmat – Menggalakkan penubuhan peniagaan perkhidmatan kecil seperti program inap desa, kantin bergerak, pusat jagaan harian kanak-kanak dan warga tua.</p> <p>3. Azam Tani – Membantu melibatkan diri dalam perniagaan kecil berasaskan pertanian seperti penternakan ayam, itik dan akuakultur dengan disediakan dana dan latihan.</p>	<p>1. Membina kesedaran – Memberi maklumat tentang kewujudan program bantuan melalui pelbagai saluran</p> <p>2. Pendidikan dan latihan – Membiayai sekolah yang ada ramai pelajar dari golongan miskin dan miskin tegar</p> <p>3. Kesihatan – Menambah bilangan kilnik dan klinik bergerak serta bantuan untuk membeli anggota badan palsu</p> <p>4. Penempatan kerja – Membantu memadankan peluang pekerjaan untuk golongan miskin dan miskin tegar</p> <p>5. Kredit-mikro – Membangun mekanisme untuk menyediakan kredit-mikro untuk menjalankan perniagaan kecil dan mengurangkan pergantungan kepada bantuan kewangan jangka panjang</p> <p>6. Peralihan/ integrasi semula – Memberi bantuan perlindungan kepada penjenayah sosial (bekas penagih dan penjenayah) supaya mereka tidak dipinggir dari masyarakat</p>	<p>1. Kemudahah asas- Membina infrastruktur sanitasi asas yang baru</p> <p>2. Pendidikan – Memberi kesedaran tentang pentingnya pendidikan prasekolah, pakaian seragam dan aksesori sekolah dan menambah kapasiti asrama</p> <p>3. Kesihatan – Memperluas rawatan dialisis</p> <p>4. Perumahan – Menyediakan 50,000 rumah baru dan dibaikpulih dan 14,000 rumah untuk Orang Asli</p> <p>5. Insurans – Bekerja sama dengan sektor swasta teralih bagi menawarkan skim insurans 1 Malaysia. Mensasarkan semua miskin tegar menikmati perlindungan insurans pada 2012</p>

Program untuk Ibu Tunggal

Usaha pembasmian kemiskinan di kalangan wanita diletak bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), 2006-2010, pelaksanaan program pembangunan keluarga dan masyarakat fokus kepada usaha untuk membina keluarga yang berdaya tahan bagi menvapai keseimbangan yang optimum antara pertumbuhan kebendedaan dan pembangunan masyarakat. Penekanan khusus untuk ibu tunggal dilakukan melalui pembentukan pelan tindakan strategik yang menggariskan program pendidikan dan latihan dan pendekatan bagi memudahkan penglibatan ibu tunggal dalam aktiviti yang menjana pendapatan. Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) diperkenalkan untuk mempertingkatkan kemahiran mereka melalui tujuh bidang kemahiran iaitu jahitan, kraf tangan, pelancongan, terapi kecantikan, perniagaan, keusahawanan dan penjagaan anak-anak. Manakal program Anak Angkat merupakan perkongsian pintar di antara sektor swasta dengan pihak kerajaan. Syarikat swasta digalakkan untuk menyediakan sokongan kewangan bagi pendidikan anak ibu tunggal. Pihak kerajaan sebagai timbal balas menyediakan insentif dalam bentuk rebat cukai kepada syarikat yang terlibat.

Program di bawah kawasan parlimen dilancarkan oleh pihak kerajaan fokus kepada aktiviti jahitan, pembuatan aksesori dan sulaman di bawah program Jejeri Bestari dan Inspirasi Kreatif. Di samping itu diwujudkan Program Bersama Wanita Orang Asli, Projek Tanaman Bunga Melor, Program ‘Small Home Office’ yang menyediakan latihan kemahiran selama tiga bulan dan Program ‘Home Managers’ yang mengajar ibu tunggal teknik mengurus rumah dengan baik. Kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk menilai sejauhmana keberkesanan program tersebut dalam meningkatkan pendapatan golongan ibu tunggal. Di samping itu terdapat pelbagai program berbentuk motivasi dan ekonomi lain turut yang dilaksanakan. Antaranya termasuk Program Wanita dan ICT, Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita, Program Seni Jahitan Kreatif, Dapur Lestari Program Rawatan dan Pemuliharaan Kesihatan dan Ringgit Bestari.

Penemuan kajian

Profil responden

Kajian dilakukan di seluruh Semenanjung Malaysia. Daripada 500 responden yang ditemubual, 318 ibu tunggal menyertai program dan 182 tidak terlibat dalam mana-mana program. Majoritinya berada dalam kategori umur 45 hingga 49 tahun. Sebanyak 79.0 % berbangsa Melayu, 4.6%, Cina, 16.0% India, 0.4% kaum Sikh. Majoritinya beragama Islam, diikuti oleh agama-agama Budhha, Hindu, Kristian dan lain-lain agama. Dari segi pendidikan, kajian mendapati majoriti responden tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi iaitu paling tinggi setakat pendidikan SPM (lihat Jadual 1). Dari segi umur, kajian mendapati sebanyak 13.0% berada dalam kategori umur 40 hingga 44 tahun dan 44.6% berada dalam kategori umur 40 hingga 49 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan ibu tunggal yang dikaji masih lagi berada dalam kategori umur bekerja dan aktif dari segi ekonomi. Memandangkan sebanyak 66.8% peratus menjadi ibu tunggal dalam tempoh 1 hingga 9 tahun, ini bermakna sebahagian besar sudah lama hidup bersendirian menanggung keluarga masing-masing.

JADUAL 1: Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratus
Tidak pernah bersekolah	58	11.6
Sekolah rendah	138	27.6
PMR	74	14.8
SPM	170	34.0
STPM	19	3.8
Universiti (diploma/ijazah)	39	7.8
Lain-lain	2	0.4
Jumlah	500	100.0

Sumber: Kaji selidik 2009

Jumlah tanggungan

Konsep tanggungan di sini ialah jumlah anak yang masih ditanggung oleh ibu tunggal. Antaranya termasuk anak-anak yang belum bersekolah, yang menganggur, anak yang sedang bersekolah, anak kurang upaya dan anak yang masih belajar di universiti atau kolej. Secara purat jumlah tanggungan adalah antara 1-5 orang. Kajian mendapati sebanyak 59.0% ibu tunggal terpaksa menanggung anak yang masih bersekolah, 12.2% anak yang belum bersekolah, 2.6% anak kurang upaya, 15.0% yang menganggur dan 32.4% anak yang belajar di institusi pengajian tinggi. Penemuan menarik di sini ialah peratusan yang tinggi anak yang belajar di IPT menggambarkan tahap didikan anak ibu tunggal adalah membanggakan. Pada waktu yang sama tanggungan anak yang masih bersekolah didapati agak besar.

Pekerjaan

Sebanyak 21.8% ibu tunggal yang ditemubual didapati tidak mempunyai sebarang pekerjaan, 4.4% bersara dan 36.0% bekerja sendiri. Selebihnya iaitu 14.0% bekerja kerajaan dan 23.8% merupakan kakitangan swasta. Usia yang meningkat, kesihatan yang tidak mengizinkan, ada pencen suami, anak tidak benar bekerja, tidak ada pekerjaan yang sesuai adalah antara alasan yang diberi oleh mereka yang tidak bekerja. Di samping itu terdapat juga ibu tunggal (13.4%) yang melakukan pekerjaan sampingan untuk menambah pendapatan. Antara pekerjaan yang dilakukan termasuk menjadi anggota RELA, pelayan karaoke, membuat kuih, kerepek, menternak ikan, menjahit, pencuci, bekerja di kilang, menanam orkid, mengambil upah memasak untuk kenduri, jualan langsung dan berniaga secara kecil-kecilan. Daripada kesemua pekerjaan ini, menjahit menjadi aktiviti yang popular kerana ianya dapat dilakukan di rumah.


Kemahiran

Faktor penting yang membolehkan seseorang melakukan pekerjaan ialah mempunyai kemahiran. Kajian mendapati 55.2% ibu tunggal yang dikaji mempunyai satu atau lebih kemahiran. Antaranya termasuklah menjahit, mendandan, memasak, mengubah bunga, membuat kraf tangan, mengurut,

berniaga dan mengajar fardhu ain. Dari kesemua jenis kemahiran ini, majoriti atau lebih daripada 90.0% mempunyai kemahiran memasak atau membuat kuih.

Faktor menjadi ibu tunggal

Kematian suami mewakili 66.6% sebab responden yang dikaji menjadi ibu tunggal. Ianya diikuti oleh perceraian (25.0%) dan ditinggalkan suami atau digantung tidak bertali sebanyak 8.0%. Selebihnya iaitu 0.4% disebabkan faktor suami yang uzur atau kurang upaya.



Sumber: Kaji Selidik 2009

Analisis Keberkesanan dan Penyertaan Program

Tidak semua ibu tunggal yang ditemubual dapat mengikuti program yang diadakan bagi tujuan memperbaiki taraf hidup mereka.

Faktor Penyertaan Program

Kajian cuba melihat faktor-faktor yang menyebabkan sesetengah ibu tunggal tidak menyertai program yang disediakan untuk mereka. Hipotesis kajian dipaparkan melalui Jadual 2.

JADUAL 2: Hipotesis Kajian

Hipotesis 1	H0:	Alasan tidak mengikuti program dengan etnik mempunyai hubungan
	H1:	Alasan tidak mengikuti program dengan etnik tidak mempunyai hubungan
Hipotesis 2	H0:	Alasan tidak mengikuti program dengan agama mempunyai hubungan
	H1:	Alasan tidak mengikuti program dengan agama tidak mempunyai hubungan
Hipotesis 3	H0:	Alasan tidak mengikuti program dengan ada anak yang belum sekolah mempunyai hubungan
	H1:	Alasan tidak mengikuti program dengan ada anak yang belum sekolah tidak mempunyai hubungan
Hipotesis 4	H0:	Alasan tidak mengikuti program dengan bersara mempunyai hubungan
	H1:	Alasan tidak mengikuti program dengan bersara tidak mempunyai hubungan
Hipotesis 5	Ho:	Alasan tidak mengikuti program dengan kawasan mempunyai hubungan
	H1:	Alasan tidak mengikuti program dengan kawasan tidak mempunyai hubungan
Hipotesis 6	Ho:	Alasan tidak mengikuti program dengan bersara mempunyai hubungan
	H1:	Alasan tidak mengikuti program dengan bekerja sendiri tidak mempunyai

		hubungan
Hipotesis 7	Ho:	Alasan tidak mengikuti program dengan bekerja sendiri mempunyai hubungan
	HI:	Alasan tidak mengikuti program dengan bekerja sendiri tidak mempunyai hubungan
Hipotesis 8	Ho:	Alasan tidak mengikuti program dengan pekerjaan utama mempunyai hubungan
	HI:	Alasan tidak mengikuti program dengan pekerjaan utama tidak mempunyai hubungan

JADUAL 3: Alasan Tidak Mengikuti Program yang Signifikan

Hipotesis	Nilai Chi-Square	Asymp. Sig (nilai P)
Etnik dengan alasan tidak mengikuti program	43.440	0.000**
Agama dengan alasan tidak mengikuti program	47.251	0.000*
Mempunyai anak yang belum bersekolah dengan alasan tidak mengikuti program	10.486	0.005*
Bersara dengan alasan tidak mengikuti program	37.807	0.09*
Taraf pendidikan dengan alasan tidak mengikuti program	18.90	0.09*
Kawasan mempunyai hubungan dengan alasan tidak mengikuti program	6.32	0.04**
Bekerja sendiri mempunyai hubungan dengan alasan tidak mengikuti program	37.807	0.009*

Nota: * bererti pada aras keyakinan 10%, **bererti pada aras keyakinan 5%

Berdasarkan Jadual 3, hasil kajian menunjukkan bahawa H0 bagi hipotesis yang ditunjukkan melalui jadual tersebut gagal di tolak kerana hipotesis-hipotesis tersebut mempunyai nilai $P < 0.05$ dan < 0.01 . Hal ini menunjukkan bahawa semua pembolehubah yang dipilih mempunyai hubungan yang signifikan dengan alasan tidak mengikuti program sekurang-kurangnya pada aras keyakinan 95 peratus. Ini menunjukkan bahawa etnik, agama, mempunyai anak yang belum bersekolah, status pekerjaan, kawasan dan taraf pendidikan secara signifikan berhubung atau mempengaruhi alasan tidak mengikuti program.

Keberkesanan Program: Analisis jurang


Dalam melihat keberkesanan program pembasmian kemiskinan di kalangan ibu tunggal, penilaian dibuat berdasarkan pendapatan dan persepsi peserta program itu sendiri dengan menggunakan pendekatan analisis jurang.

Bagi mengenalpasti sejauhmana impak atau keberkesanan program pembasmian kemiskinan dilaksanakan serta memenuhi objektif utama maka penyelidik memilih kaedah Analisis Jurang (GAP Analysis). Analisis jurang merupakan satu teknik untuk menentukan langkah-langkah yang perlu diambil dalam pergerakan daripada situasi sekarang kepada situasi yang diinginkan pada masa hadapan. Melalui analisis ini, faktor-faktor yang berkesan atau tidak dalam membantu golongan ibu tunggal dapat dikenalpasti. Melalui dapatan kajian, setiap kekurangan atau kelemahan program dapat dikenalpasti. Jalan penyelesaian terbaik akan dicari bagi mengatasi kelemahan dan kekurangan yang wujud dengan mengambilkira kesemua elemen atau faktor yang menentukan kejayaan sesebuah program. Dengan ini, penambahbaikan boleh berlaku pada masa akan datang. Kesilapan dan kekurangan masa lalu akan diatasi dan proses penambahbaikan boleh berlaku dari semasa ke semasa. Oleh itu, penyelidik beranggapan bahawa analisis ini amat bersesuaian digunakan bagi menilai sama ada terdapat elemen-elemen yang perlu diperbaiki.

Bagi kajian ini, penyesuaian harus dilakukan untuk membolehkan dapatan kajian dilihat relevan dengan pengisian Analisis Jurang. Penggunaan analisis ini adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan program dan keperluan terhadap sebarang bentuk bantuan untuk golongan ibu tunggal. Oleh itu kajian ini mengadaptasi Model Penilaian/Analisis Keperluan oleh Lubke (2001). Kajian oleh Lubke ini telah mencadangkan satu formula iaitu '*Should Be-Is = Gap*'. 'Gap' dirujuk sebagai keperluan iaitu hasil daripada perbezaan atau delta di antara '*Is*' dan '*Should Be*'. '*Should Be*' atau '*desired or necessary situation*' berkaitan dengan peluang dan keinginan pelaksanaan (dalam

konteks kajian oleh penyelidik, ianya bermaksud program-program diigini oleh peserta yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan). Fokusnya adalah kepada keperluan kemahiran, pengetahuan dan kemampuan yang diperlukan untuk menyempurnakan kejayaan (Siti Nordiyana Isahak 2009).

Manakala *Is* atau *current situation* adalah tahap pelaksanaan semasa (*actual*)-individu, kumpulan dan organisasi perlu mengenal pasti tentang kemahiran, pengetahuan dan kemampuan semasa mereka dan/atau akan datang (dalam konteks kajian ini, ianya melibatkan situasi sebenar yang dialami oleh ibu tunggal dan dapatannya adalah melalui soal selidik yang dilakukan). Dalam organisasi swasta, keperluan dilihat berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan keuntungan, manakala dalam organisasi awam atau bukan bermotif keuntungan pula, keperluan berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan (orang awam). Berdasarkan Rajah 2, kerangka konseptual ini dibentuk bersesuaian dengan tujuan kajian. Kerangka yang dibina adalah untuk mengetahui atau menilai keberkesanan pelaksanaan semasa (*actual performance*) program pembasmian kemiskinan kepada golongan sasaran ibu tunggal oleh pihak kerajaan.



Sumber: Adaptasi Model Penilaian/ Analisis Keperluan Lubke (2001)

RAJAH 2: Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini menggunakan analisis min/ 'mean score' di mana min bagi sepuluh pembolehubah yang dipilih perlu diperolehi sebelum analisis jurang dilakukan. Dalam konteks situasi impian atau diigini/should be – apa yang patut ada, nilai optimal ditetapkan. Ini kerana, program-program yang dilaksanakan mempunyai objektif bagi memaksimumkan faedah kepada peserta. Bersesuaian dengan skala likert yang telah ditetapkan sebelum ini, nilai yang optimal adalah 5 iaitu sangat bersetuju (min=5). Manakala dalam konteks situasi semasa/is-apa yang ada dalam realiti, nilai min diperolehi daripada analisis data menggunakan SPSS berdasarkan soal selidik. Nilai jurang (gap) diperolehi seperti berikut:

$$\text{(Situasi Impian/Should Be - Apa yang Patut Ada) - (Situasi Semasa/Is - Apa yang dalam realiti) = GAP}$$

Bagi menguji sejauh manakah program-program pembasmian kemiskinan yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan mahupun pihak-pihak lain berkesan atau tidak, penetapan nilai harus dilaksanakan seperti berikut:

- Sekiranya nilai 'gap' menghampiri sifar atau sama dengan sifar – ini bermakna tidak wujudnya jurang atau dengan kata lain program yang disertai berkesan. (gap/jurang = 0 – tiada 'gap'/jurang yang wujud).

- Manakala sekiranya nilai 'gap' yang diperolehi lebih besar daripada sifar atau menjauhi sifar – ini bermakna terdapatnya jurang/gap dalam sesebuah program yang dilaksanakan atau dengan kata lain terdapat kekurangan atau program yang dilaksanakan kurang berkesan dalam aspek-aspek tertentu. (gap/jurang > 0 – terdapatnya 'gap'/jurang dalam item-item tertentu).

Pengkaji seterusnya menterjemahkan nilai 'gap' yang diperolehi dalam konteks impak/keberkesanan program menggunakan sepuluh elemen yang dinyatakan sebelum ini. Penetapan skala/nilai 'gap/jurang' yang diperolehi dibahagikan kepada kepada tiga skala utama bagi memudahkan analisis dilakukan iaitu:

- Sekiranya nilai jurang antara 0.00 hingga 1.00 – ini bermakna program tersebut mempunyai impak yang tinggi dalam elemen-elemen tertentu. (nilai jurang 0.00 – 1.00 = Impak Tinggi).
- Sekiranya nilai jurang antara 1.01 hingga 2.00 – ini bermakna program tersebut mempunyai impak yang sederhana dalam elemen-elemen tertentu. (nilai jurang 1.01 - 2.00 = Impak Sederhana).
- Manakala, sekiranya nilai jurang antara 2.01 hingga 3.00 – ini bermakna program tersebut mempunyai impak yang rendah dalam elemen-elemen tertentu (nilai jurang 2.01 – 3.00 = Impak Rendah).

JADUAL 4: Jadual Analisis Jurang (GAP Analysis)

Bil	Impak Program	1 Apa Yang Patut Ada (Should Be)	2 Apa Yang Ada dalam Realiti (Is)	Jurang yang Wujud	Pangkat	Analisis Impak
1	Pengetahuan baru	5	4.01	0.99	10	Tinggi
2	Kemahiran bertambah	5	3.82	1.18	5	Sederhana
3	Membina ketahanan emosi dengan mental	5	3.86	1.14	7	Sederhana
4	Bersesuaian dengan minat	5	3.91	1.09	9	Sederhana
5	Meningkatkan keyakinan dan kebolehan berhadapan dengan masyarakat sekeliling	5	3.83	1.17	6	Sederhana
6	Membina jaringan sosial yang lebih luas	5	3.88	1.12	8	Sederhana
7	Mampu meningkatkan kualiti hidup	5	3.72	1.28	4	Sederhana
8	Peluang pekerjaan yang baru	5	3.09	1.91	1	Sederhana
9	Pendapatan semakin meningkat	5	3.31	1.69	3	Sederhana
10	Menambahkan pendapatan sampingan	5	3.26	1.74	2	Sederhana

Nota : 1 = nilai optimum pada skala berdasarkan apa yang patut ada
2 = nilai yang diperolehi daripada soal selidik 2008 (data SPSS)

Sumber: Kaji selidik 2009

Berdasarkan Jadual 4, hasil kajian adalah seperti berikut:

- Jurang yang paling besar adalah dalam elemen 'peluang pekerjaan baru' iaitu dengan perbezaan min sebanyak 1.91. Jumlah ini juga menerangkan bahawa impak keberkesanan program adalah sederhana. Meskipun masih dalam kategori sederhana, namun mengikut korelasi pangkat, impak program ini adalah yang terendah. Hal ini bermakna setiap program yang dianjurkan tidak mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada ibu tunggal. Selain itu, penyesuaian dan kandungan program yang dianjurkan kurang memberi kesan mendalam kepada ibu tunggal bagi mencipta peluang pekerjaan yang lebih baik. Kemahiran yang diberikan juga tidak memberikan impak yang besar kepada peserta untuk tampil lebih berkeyakinan dan berani mencipta peluang pekerjaan yang baru serta bersesuaian dengan mereka.
- Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa program yang telah dianjurkan kebanyakannya memberikan impak yang sederhana terutamanya dalam elemen peningkatan pendapatan sampingan (perbezaan min 1.74) dan juga pendapatan bertambah (perbezaan min 1.23). Kebanyakan program yang disertai oleh ibu tunggal juga tidak dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan sama ada pendapatan utama ataupun pendapatan sampingan.
- Seterusnya, elemen-elemen lain juga memberikan impak keberkesanan program yang sederhana termasuklah 'mampu meningkatkan kualiti hidup' (perbezaan min 1.28) ; meningkatkan kemahiran (perbezaan min 1.18); 'meningkatkan keyakinan dan kebolehan untuk berhadapan dengan masyarakat sekeliling' (perbezaan min 1.17) ; 'membina ketahanan emosi dan mental' (perbezaan min 1.14) ; 'membina jaringan sosial yang lebih luas' (perbezaan min 1.12) ; 'serta bersesuaian dengan minat'(perbezaan min 1.09). Hal ini sedikit sebanyak mendedahkan ibu-ibu tunggal dengan perkara-perkara baru yang mereka tidak pernah tahu sebelum menyertai program tersebut.
- Impak program yang tinggi hanya dapat dilihat dalam elemen 'pengetahuan baru' (perbezaan min 0.99) di mana majoriti peserta yang menyertai program bersetuju bahawa program yang telah dilaksanakan dan dianjurkan oleh pihak-pihak kerajaan mahupun swasta mampu memberikan ilmu pengetahuan yang baru kepada golongan ibu tunggal.

Sebagai rumusan, didapati program pembasmian kemiskinan untuk ibu tunggal sememangnya memberikan impak positif kepada peserta namun tahap keberkesanan bergantung kepada skala yang telah ditentukan oleh penyelidik iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati impak pelaksanaan program pembasmian kemiskinan terhadap ibu tunggal berada pada tahap yang sederhana.

Analisis Pendapatan Sebelum dan Selepas Menyertai Program

Jadual 5 menunjukkan jumlah pendapatan bagi 182 orang ibu tunggal yang tidak menyertai program dan juga 318 orang ibu tunggal yang telah menyertai program. Secara keseluruhannya, pengkaji ingin melihat perbandingan di antara pendapatan kasar bulanan ibu tunggal dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9), Pendapatan Garis Kemiskinan terbahagi kepada dua iaitu PGK makanan dan bukan makanan. PGK ditentukan secara berasingan bagi setiap isi rumah dalam setiap penyiasatan pendapatan isi rumah (HIS) mengikut saiz, komposisi demografi, dan lokasi (negeri dan strata). Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatan isi rumah tersebut kurang daripada PGKnya dan ini bermakna isi rumah tersebut kurang sumber bagi memenuhi keperluan asas setiap ahlinya. Sesebuah isi rumah dianggap miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGK makanan. Memandangkan keperluan makanan adalah berdasarkan zat makanan seimbang, PGK bagi miskin tegar adalah lebih tinggi berbanding dengan definisi lama iaitu separuh daripada PGK. Nilai PGK makanan adalah sebanyak RM 415 manakala PGK bukan makanan ialah RM 691.

Hasil kajian mendapati, bagi ibu tunggal yang tidak menyertai program, seramai lebih kurang 27.6% ibu tunggal menerima pendapatan di bawah PGK keseluruhan manakala bagi PGK makanan pula, hanya seramai 12.7% sahaja yang dikategorikan sebagai golongan miskin tegar. Seterusnya, bagi ibu tunggal yang menyertai program, sebanyak 22.0% ibu tunggal yang menerima pendapatan di bawah PGK tersebut. Manakala bagi ibu tunggal yang tergolong dalam kemiskinan tegar pula, kadar peratusannya hanya sebanyak 9.7% sahaja. Bilangan ini mewakili sebahagian kecil daripada jumlah tersebut. Daripada kadar tersebut, pengkaji dapat membuat perbandingan di mana lebih ramai ibu tunggal yang tidak menyertai program tergolong dalam kategori miskin dan miskin tegar (rujuk Jadual 5).

JADUAL 5: Pendapatan Ibu Tunggal yang Menyertai Program dan Tidak Menyertai Program mengikut PGK Makanan

Jumlah pendapatan	Tidak mengikuti program	Mengikuti program
0-249	2.8	0.94
250-499	9.9	8.81
500-749	14.9	12.26
750-999	16.5	16.67
1000-1249	16.5	19.81
1250-1499	7.1	7.55
1500-1749	9.9	8.18
1750-1999	3.3	2.82
2000 -2249	3.8	2.20
2250-2499	1.6	1.89
2500-2749	3.8	5.03
2750-3000	2.2	0.63
>3000	7.7	13.21
Jumlah	100	100

Sumber: Kaji selidik 2009

Secara keseluruhan, kajian mendapati golongan ibu tunggal yang menyertai program lebih banyak mendapat impak keberkesanan program dari segi pendapatan bulanan mereka. Meskipun secara umumnya, impak dari segi pendapatan tidak memberikan pulangan yang menyeluruh kepada semua ibu tunggal yang menyertai program, namun terdapat juga sebahagian ibu tunggal yang mendapat impak positif kesan daripada mengikuti program yang dianjurkan di samping mereka sentiasa mengaplikasikan input-input yang telah diterima.

Sekiranya digunakan pendapatan per kapita, peratusan ibu tunggal yang tidak mengikuti program yang berada di bawah PGK per kapita adalah lebih tinggi iaitu 23.08% berbanding ibu tunggal yang menyertai program iaitu 14.47%. Di samping itu, bagi ibu tunggal yang memperoleh pendapatan per kapita yang melebihi RM 1000 pula menunjukkan kadar peratusan golongan ibu tunggal yang menyertai program mengatasi golongan ibu tunggal yang tidak menyertai program dengan perbezaan sebanyak 8.91% (rujuk Jadual 6).

JADUAL 6: Jumlah Pendapatan Per Kapita Ibu Tunggal yang Menyertai Program dan Tidak Menyertai Program

Pendapatan Perkapita(RM)	Tidak mengikuti program (%)	Mengikuti program (%)
0-140	23.08	14.47
141-280	19.23	26.10
281-420	17.58	20.13
421-560	10.99	11.32
561-700	8.79	10.69
701-840	4.3	4.4
841-980	3.85	1.89
980-1120	1.65	13.77
1120 ke atas	10.44	7.23
Jumlah	100.0	100.0

Sumber: Kaji selidik 2009

Masalah dalam Penyertaan Program


Meskipun matlamat utama program pembasmian kemiskinan adalah untuk mencapai faedah dan kebajikan maksimum kepada ibu tunggal, namun beberapa masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal ini telah menjadi faktor yang menghalang kepada pencapaian objektif tersebut. Masalah ini juga jika tidak diatasi dengan segera berkemungkinan besar akan menggugat penyertaan daripada ibu tunggal pada masa akan datang. Berdasarkan Jadual 7 dan Rajah 2, setelah perbandingan dilakukan ke atas kelima-lima masalah yang dikaji, masalah jarak tempat program diadakan merupakan masalah yang paling kerap dihadapi oleh ibu tunggal dengan kadar peratusan sebanyak 28.62%. Seperti yang diketahui, ibu

tunggal merupakan golongan yang seringkali berhadapan dengan masalah kemiskinan. Pendapatan yang rendah menyebabkan mereka tidak mampu untuk membeli kenderaan walaupun kenderaan terpakai yang murah. Oleh itu, untuk menghadiri sesuatu program mereka hanya bergantung sepenuhnya terhadap kenderaan yang disediakan oleh pihak penganjur ataupun kenderaan awam. Perkara ini berkait rapat dengan masa. Sekiranya mereka tidak menepati masa yang ditetapkan disebabkan menguruskan anak-anak, mereka akan ditinggalkan. Natijahnya, mereka tidak dapat mengikuti program yang dianjurkan.

JADUAL 7: Masalah yang dihadapi oleh Ibu Tunggal Semasa Menyertai Program

Jenis Masalah	Peratus
Jarak tempat program	28.62
Kesesuaian program	23.64
Maklumat program	18.55
Pengendalian program	21.7
Pengurusan keluarga	22.01

Sumber: Kaji selidik 2009



RAJAH 2: Masalah yang dihadapi oleh Ibu Tunggal Semasa

Menyertai Program

Masalah kedua yang dihadapi oleh ibu tunggal ini adalah masalah kesesuaian program dengan kadar peratusan sebanyak 23.64%. Kebanyakan responden menyatakan bahawa program yang dianjurkan tidak bersesuaian dengan peringkat usia. Selain itu, program yang dianjurkan juga adakalanya mengambil masa yang terlalu singkat sehinggakan penyampaian maklumat tidak dapat diaplikasikan dengan betul. Seterusnya, ibu tunggal juga mengalami masalah pengurusan keluarga di mana kadar peratusannya adalah sebanyak 22.01%. Hal ini kerana ketika ibu tunggal menghadiri kursus atau program, mereka terpaksa menghantar anak mereka ke rumah jiran, keluarga lain atau sebagainya. Masalah ini menjadi lebih rumit sekiranya terdapat di kalangan anak-anak mereka yang masih kecil ataupun menghidap penyakit kronik. Oleh itu, bagi mengelakkan sebarang masalah yang lebih rumit berlaku, mereka cenderung untuk tidak menghadiri program yang dianjurkan dan ini menjadi kerugian besar kepada mereka.

Selain itu, wujud masalah pengendalian program. Masalah ini berlaku disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan untuk menguruskan sesuatu program atau kursus. Oleh itu, terdapat sesetengah kursus atau program yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar. Hal ini mengakibatkan ibu tunggal tidak berminat untuk menyertai program. Masalah terakhir yang dialami oleh ibu tunggal adalah masalah penerimaan maklumat program. Seringkali kita lihat di dada akhbar, media elektronik serta media cetak tentang program yang dianjurkan khas untuk ibu tunggal. Namun

begitu, kebanyakan ibu tunggal terutamanya yang tinggal di luar bandar tidak terdedah dengan media massa. Rutin harian mereka lebih kepada menguruskan anak-anak serta menjana pendapatan keluarga. Oleh itu mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mendapatkan maklumat mengenai sebarang program yang dianjurkan. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah ibu tunggal lebih-lebih lagi pada masa kini yang sudah 'celik IT'. Kewujudan laman sembang dan portal rasmi kerajaan menjadikan mereka lebih mudah untuk mendapatkan maklumat. Selain itu, penyertaan mereka dalam persatuan juga menyebabkan mereka lebih mudah menerima maklumat mengenai sesuatu program.

KESIMPULAN

Analisis impak program pembasmian kemiskinan di kalangan ibu tunggal dari segi persepsi dan pendapatan ternyata berjaya membaiki taraf hidup ibu tunggal. Ianya berjaya menjana pendapatan tambahan kepada golongan ini. Namun masalah yang dihadapi oleh mereka berkait dengan pelaksanaan program seharusnya diberi perhatian bagi memastikan impak positif yang maksimum boleh dimanfaatkan oleh ibu tunggal yang menyertai program tersebut. Matlamat ini diharap boleh dicapai melalui langkah kerajaan yang diambil di bawah Program Transformasi Kerajaan.

RUJUKAN

- Berita Harian*. 2010. Aspirasi 2010 Basmi Kemiskinan Tegar. 16 Julai.
- Nor Aini Haji Idris. 2003. Keperluan Strategi Khusus untuk Mengatasi Masalah Kemiskinan Ketua Isi Rumah Wanita dalam Era Ekonomi Global. Dalam *Globalisasi di Malaysia*, Suntingan Lukman Z. Mohamad & Azmi Abdul Manaf. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rohaty Mohd Majzud & Muhammad Rais Abd. Karim. 1999. *Ibu Tunggal Menelusuri Rintangan Hidup dengan Keyakinan*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Thuaibah @ Suaibah Abu Bakar *et al.* 2004. *Aktiviti Keusahawanan di Kalangan Ibu Tunggal di Negeri Johor*. Johor: Universiti Teknomolgi Malaysia.